

11/03/2003

Jelas erti sebenar Islam (HL)

Hassan Omar; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mahu pengertian sebenar mengenai negara Islam, jihad dan penggunaan institusi masjid, diperjelaskan kepada rakyat supaya mereka terus berpegang kepada pendapat yang muktabar dan sahih.

Seri Paduka bertitah, langkah itu penting berikutan ada tanda perpaduan ummah di negara ini terjejas sejak kebelakangan ini berikutan kegagalan mereka memahami pengertian sebenar mengenai perkara itu.

"Bagi memastikan negara kita terus berada dalam keadaan stabil, aman dan sejahtera, maka pengertian sebenar berkaitan perkara itu akan diperjelaskan kepada rakyat," titah baginda ketika merasmikan mesyuarat pertama penggal kelima Parlimen ke-10, di Bangunan Parlimen, semalam.

Dewan Rakyat bersidang selama 18 hari hingga 8 April ini manakala Dewan Negara bersidang selama 11 hari, mulai 14 April ini. Turut berangkat ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Sebanyak 964 pertanyaan lisan dan 196 pertanyaan bertulis akan dikemukakan untuk dijawab.

Yang di-Pertuan Agong turut memandang serius kegiatan sesetengah sekolah agama rakyat yang tidak mengajar agama Islam sebenar tetapi mendidik muridnya membenci sesama Islam, sedangkan Islam mengajar semua umatnya bersaudara.

"Sekiranya kerajaan beta terus menyokong sekolah-sekolah agama yang menyeleweng, ini bermakna kerajaan menyokong pengajaran perkara yang bertentangan dengan agama Islam," titah baginda.

Seri Paduka bagaimanapun bersyukur kerana ramai ibu bapa dan murid sekolah agama rakyat menyahut seruan kerajaan dengan berpindah ke sekolah kebangsaan di mana mereka akan memperoleh pendidikan seimbang meliputi fardu ain dan kifayah.

Baginda kesal kerana dunia kini berdepan dengan pelbagai masalah termasuk ancaman keganasan yang dikaitkan dengan imej agama, masyarakat dan negara Islam di seluruh dunia.

"Sebaliknya, tindakan yang jauh lebih ganas oleh kumpulan atau individu bukan Islam, langsung tidak pernah dikaitkan dengan agama mereka.

"Oleh itu, masyarakat antarabangsa harus bertindak tegas terhadap mereka yang terbabit dalam keganasan manakala kerajaan seluruh dunia pula harus bekerjasama bagi menyelesaikan isu antarabangsa.

"Kuasa besar dunia hendaklah memahami punca keganasan sebelum mengambil tindakan ketenteraan," titah baginda.

Tuanku Syed Sirajuddin turut melahirkan keyakinan dengan kepemimpinan Malaysia untuk terus menyuburkan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) supaya ia terus kekal relevan serta memenuhi aspirasi dan kepentingan anggotanya.

"Selaku pengerusi untuk tempoh tiga tahun akan datang, Malaysia mampu menerajui NAM dengan membawa pergerakan itu menghadapi cabaran masa kini demi keadilan, kemakmuran dan kesaksamaan sejagat serta menyumbang ke arah penyelesaian konflik secara aman," titah Seri Paduka.

Baginda mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan berikutan kejayaan penganjuran Sidang Kemuncak NAM ke-13 baru-baru ini.